

## **Bonus Kekayaan untuk Akaun Premier Booster-i (“Promosi”) Terma dan syarat**

### **1. Pengenalan**

- 1.1. OCBC Al-Amin Bank Berhad (No. Syarikat 200801017151 / 818444-T) (“OCBC Al-Amin”) membentangkan promosi Bonus Kekayaan untuk Akaun Premier Booster-i (“Promosi”). Terma dan syarat adalah seperti berikut. Promosi ini sah dari 1 Julai 2020 hingga 17 Disember 2020 (“Tempoh Promosi”) dan boleh didapati di semua cawangan OCBC Al-Amin di Malaysia.

### **2. Pelanggan yang Layak**

- 2.1. Pelanggan yang layak untuk menyertai Promosi ini dirujuk sebagai “Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak”. Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak ialah
- Individu yang merupakan pemastautin Malaysia, pemastautin tetap dan bukan pemastautin kecuali daripada negara-negara yang tidak diterima oleh OCBC Al Amin.
  - Pelanggan yang berada dalam keadaan yang baik terhadap operasi akaun-akaun mereka mengikut budi bicara mutlak OCBC Al-Amin untuk berlayak menyertai Promosi ini.
  - Ahli-Ahli Perbankan Premier yang Layak OCBC Al-Amin yang memohon dan diterima sebagai ahli-ahli Perbankan Premier / Klien Peribadi Premier OCBC Al-Amin.
  - Sesiapa yang mempunyai Akaun Premier Booster-i OCBC dan merupakan Pemegang Akaun Utama sama ada akaun individu atau bersama.

### **3. Bonus Kekayaan**

- 3.1. Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak akan menerima keuntungan tambahan (“Bonus Kekayaan”) jika mereka memenuhi keperluan pada bulan kalendar itu. Untuk berlayak, Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak harus berjaya melanggan sekurang-kurangnya jumlah minimum mana-mana produk kekayaan yang layak melalui OCBC Al-Amin untuk melayakkan diri untuk Bonus Kekayaan dalam tempoh bonus yang telah ditentukan. Sila rujuk Lampiran bagi promosi ini untuk Bonus Kekayaan tambahan, jumlah minimum yang diperlukan dan tempoh bonus yang telah ditentukan.
- 3.2. Jika Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak membuat langganan berganda dalam produk kekayaan yang layak dan layak untuk Bonus Kekayaan lebih daripada sekali, selama beberapa bulan di mana tempoh bonus yang berlainan bertindih, hanya satu keuntungan bonus akan diberikan, dan tempoh bonus dengan jumlah bonus yang lebih tinggi akan diberikan.
- 3.3. Jika Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak mempunyai beberapa akaun yang layak untuk Bonus Kekayaan, hanya satu akaun yang mempunyai jumlah bonus tertinggi akan menerima Bonus Kekayaan. Sekiranya jumlah Bonus Kekayaan adalah sama untuk beberapa akaun, hanya satu akaun dengan nombor akaun terbesar akan menerima Bonus Kekayaan.
- 3.4. Pelangganan produk kekayaan yang sama memenuhi kriteria kelayakan minimum akan diagregatkan jika tarikh berkuat kuasa, selepas tempoh rujukan percuma/ pembatalan atau 14 hari (yang mana lebih lama), jatuh pada bulan kalendar yang sama. Tarikh berkuat kuasa merujuk kepada tarikh permulaan produk /takaful dan tarikh dagangan Unit Amanah-i.
- 3.5. Untuk produk kekayaan yang layak dengan premium/caruman tetap, hanya premium/caruman tahun pertama yang layak untuk Bonus Kekayaan, dengan syarat premium/caruman tahun pertama memenuhi jumlah minimum yang diperlukan. Sebarang bayaran premium/caruman melepasi tahun pertama tidak akan layak untuk Bonus Kekayaan.
- 3.6. Bonus Kekayaan akan diberikan pada kalendar bulan yang berkenaan untuk tempoh bonus yang telah ditetapkan selepas tempoh rujukan percuma/pembatalan atau 14 hari yang mana lebih lama untuk produk-produk kekayaan yang layak dengan tarikh berkuat kuasa selewat-lewatnya pada 17 Disember 2020.
- 3.7. Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak harus menjadi pemegang tunggal sijil atau pemegang akaun utama untuk produk kekayaan yang layak.
- 3.8. Produk kekayaan yang layak yang kemudiannya ditamatkan, dibatalkan, dimansuhkan atau diterbalikkan tidak akan diambil kira. Sekiranya Bonus Kekayaan telah diberikan, OCBC Al-Amin berhak untuk mendebit semula jumlah Bonus Kekayaan yang telah dikreditkan sebelum ini.

- 3.9. Jika produk kekayaan Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak matang atau dijual sebelum tamat tempoh Bonus Kekayaan, Bonus Kekayaan akan terus dibayar.
- 3.10. Bonus Kekayaan akan dikira pada setiap akhir bulan berdasarkan baki purata harian pada setiap akhir bulan tertakluk kepada had dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Premier Booster-i yang aktif di dalam jangkamasa 14 hari bekerja bulan yang berikutnya atau lebih awal; ke 2 tempat perpuluhan terdekat. Tiada Bonus Kekayaan akan dibayar ke dalam Akaun Premier Booster-i anda jika jumlah keseluruhan Bonus dalam sebulan itu kurang daripada RM0.01.
- 3.11. Baki purata harian ialah purata untuk baki harian akaun pada bulan kalendar tersebut.

#### 4. **Terma dan syarat lain**

- 4.1. OCBC Al-Amin boleh, secara munasabah, selepas memberi notis 21 hari kalendar, mengubah suai terma dan syarat ini dengan menambah, membuang, menarik balik, menggantung, menamatkan atau mengubah mana-mana terma dan syarat dan manfaat promosi ini. Pihak Bank, secara munasabah dan selepas memberi notice dahuluan boleh mengubah Kadar Keuntungan Bonus Kekayaan atau membatalkan Promosi ini. Apa-apa modifikasi atau perubahan boleh dimaklumkan kepada Pelanggan yang Layak dengan memaparkan notis umum di mana-mana cawangan Bank atau laman web atau media massa dan notis itu akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.
- 4.2. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam pengawalseliaan dan/atau polisi kewangan oleh Bank Negara, Persatuan Bank-Bank Islam dan Institusi Kewangan Malaysia, dan mana-mana badan pentadbiran yang berkaitan, Kadar Keuntungan Bonus Kekayaan akan disemak semula sewajarnya dan kadar yang disemak semula ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang tertera dalam notis/pengumuman. Pemberitahuan perubahan ini akan dibuat melalui pengumuman yang dipaparkan di cawangan atau di laman web Bank atau mana-mana cara yang dianggap sesuai oleh Bank.
- 4.3. Terma dan Syarat Promosi ini harus dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Utama – Akaun dan Perkhidmatan, Lembaran Maklumat Produk, Lembaran Pendedahan Produk Kekayaan, Ilustrasi Jualan Produk Kekayaan, Risalah Produk Kekayaan, Helaiian Sorotan Produk dan Prospektus Dana, yang mana berkenaan.
- 4.4. Sekiranya berlaku sebarang ketidaksamaan antara terma dan syarat ini dan Terma dan Syarat Utama – Akaun dan Perkhidmatan, apa-apa risalah dan bahan pemasaran, Terma dan Syarat Promosi ini akan digunakan.
- 4.5. Dana yang digunakan untuk promosi ini boleh dirangkumi “Dana Baru” daripada bank berlesen yang lain di Malaysia, selain daripada OCBC Bank (Malaysia) Berhad (No. Syarikat 199401009721 / 295400-W) dan/atau OCBC Al-Amin. Dana baru merupakan wang yang didepositkan ke dalam akaun dengan OCBC Bank dan/atau OCBC Al-Amin tidak lebih daripada 7 hari kalendar dari tarikh penempatan.
- 4.6. OCBC Al-Amin tidak bertanggungjawab ke atas sebarang keingkaranyang disebabkan oleh sebarang tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, mogok, keganasan, wabak, penguncupan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau apa-apa peristiwa di luar kawalan munasabah OCBC Al-Amin, kecuali kerugian yang berpunca daripada kecuai Bank.
- 4.7. Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk dalam semua aspek kepada undang-undang Malaysia dan Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak harus menurut kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.